

**MODUL 1**  
**PECUTAN AKHIR SPM 2019**  
**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH**

---

---

**PENDIDIKAN ISLAM**  
**KERTAS 1**  
**( 1223/1 )**

**Dua jam**

---

**JANGAN BUKA KERTAS MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Modul ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
  2. **Bahagian A** mengandungi **40** soalan. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruangan yang disediakan di halaman 10.
  3. **Bahagian B** mengandungi **empat** soalan subjektif. Jawab **tiga** soalan: **Soalan 1**, **Soalan 2** dan mana-mana **satu** soalan berikutnya. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam helaian tambahan yang disediakan.
  4. Tulis **nama** dan **tingkatan** anda pada ruangan jawapan yang disediakan di halaman 10.
  5. Ceraikan kertas jawapan di halaman 10 daripada kertas soalan. Ikat kertas jawapan bersama-sama helaian tambahan dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.
- 
-

## Bahagian A

[40 markah]

*Jawab semua soalan*

### Soalan 1 hingga Soalan 20

*Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Hitamkan jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan.*

1. Akidah seseorang mukmin itu boleh terbatal dengan cara

- A menziarahi tempat ajaran sesat.
- B memohon hajat di kubur keramat.
- C melawat rumah ibadat agama lain.
- D menghadiri pengebumian orang bukan Islam.

2. Berikut ialah akibat perbuatan syirik jali **kecuali**

- A rosak akidah.
- B berdosa besar.
- C menjadi murtad.
- D mendapat azab di akhirat.

Beriktikad bahawa:

- Semua agama adalah sama.
- Nabi Isa a.s. mati disalib.

3. Pernyataan di atas merujuk kepada ciri ajaran sesat \_\_\_\_\_.

- A Bahai.
- B Taslim.
- C Qadyani.
- D Anti Hadis.

4. Antara hikmah diharamkan qazaf ialah \_\_\_\_\_.

- A menjamin kesihatan fizikal.
- B menjamin hubungan sosial yang baik.
- C menggalakkan sifat suka berterus terang.
- D menggalakkan sifat suka tolong-menolong.

- Sejenis bahan yang mengkhayalkan
- Membawa kepada kehancuran umat dan negara

5. Pernyataan di atas merujuk kepada \_\_\_\_\_.

- A arak
- B rokok
- C dadah
- D tembakau

6. Pilih pernyataan yang **paling tepat** mengenai kesan perbuatan riddah.

- I Membazirkan masa, tenaga dan harta
- II Menyekat akal berfikir secara logik
- III Hubungan suami isteri terfasakh
- IV Haram menerima harta pusaka

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

7. Pernyataan berikut adalah nama lain bagi Ahli Sunnah Wal Jamaah **kecuali**

- A As-Salaf as-Soleh
- B Ahlul Hadis
- C Al-Jamaah
- D Ahlul Bait

8. Masa bercukur bagi orang yang mengerjakan umrah ialah

- A selepas mengerjakan saie
- B selepas melakukan tawaf rukun
- C selepas bermalam di Mudzalifah
- D selepas melontar di Jamrah al-Aqabah

9. Manakah yang berikut merupakan perkara sunat haji?

- I Memakai pakaian ihram selain putih
  - II Keluar ke tempat Saie melalui pintu Marwah
  - III Membanyakkan ucapan tahmid, zikir dan doa
  - IV Sembahyang sunat tawaf di belakang maqam Ibrahim
- 
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

10. Antara yang berikut manakah **benar** tentang perbezaan gadaian secara Islam dan secara bukan Islam ?

	Gadaian Islam	Gadaian Bukan Islam
A	Tetap menjadi hak pemilik asal	Barang tidak lupus jika tidak ditebus
B	Nilai barang dan upah	Nilai barang termasuk faedah
C	Membantu meringankan kesusahan	Menguntungkan kerana adanya faedah
D	Mengembangkan ekonomi Islam	Memudahkan memperoleh rezeki

11. Antara yang berikut, yang manakah **bukan** syarat rujuk bagi isteri ialah

- A beragama Islam
- B masih dalam iddah
- C berkemahan sendiri
- D bukan dijatuhkan talak tiga

- Menyambung keturunan
- Membela anak yatim dan wanita
- Mengelak daripada maksiat

12. Pernyataan di atas merujuk kepada hikmah \_\_\_\_\_.

- A Fasakh
- B Poligami
- C Hadhanah
- D Perkahwinan

- Pembatalan perkahwinan
- Pemberian atau tuntutan harta sepencarian
- Wasiat atau pemberian ketika hampir mati

13. Pernyataan di atas adalah berkaitan dengan bidang kuasa mahkamah iaitu

- A bidang Kuasa Mal
- B bidang kuasa jenayah
- C kuasa Mahkamah Rendah
- D kuasa Mahkamah Rayuan

14. Berikut merupakan kebaikan saham **kecuali**

- A Meningkatkan ekonomi Negara
- B Menambah pendapatan individu
- C Mengukuhkan kewangan sesebuah syarikat
- D Memberi perlindungan ke atas risiko kerugian harta

15. Antara yang berikut yang manakah **bukan** faktor kejatuhan kerajaan bani Umayyah?

- A Penentangan rakyat terhadap pemerintah.
- B Pemerintah yang mengabaikan ajaran Islam.
- C Pemerintah meminta campur tangan negara luar.
- D Pemerintah yang lalai menjalankan tugas dan tanggungjawab.

Cukai ini dikenakan sepuluh peratus daripada hasil perdagangan yang diperolehi daripada negeri luar.

16. Kenyataan di atas adalah mengenai

- A Usyur
- B Jizyah
- C Al-Fai'
- D Ganimah

17. Ibnu Khaldun pernah menyandang beberapa jawatan penting dalam negara iaitu

- I Duta Tunisia
  - II Mufti Granada
  - III Ketua Hakim di Mesir
  - IV Perdana Menteri Bougie
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan III
  - D III dan IV

18.

- Menghasilkan kitab *al-Fiqh al-Akbar*
- Ulama pertama menyusun kitab fikah mengikut bab dan fasal

Pernyataan di atas merujuk kepada sumbangan \_\_\_\_\_.

- A Imam Malik
- B Imam al-Syafie
- C Imam Abu Hanifah
- D Imam Ahmad bin Hanbal

19. Berikut adalah berhias diri yang dibenarkan oleh Islam **kecuali**

- A bersugi setiap kali solat
- B memakai perhiasan ketika perkahwinan
- C memakai wangian yang berlebihant bagi wanita
- D memakai sutera bagi lelaki yang berpenyakit kulit

20 Antara yang berikut yang manakah adab berzikir

- A Merasa kehebatan Allah
- B Berzikir ketika qada' hajat
- C Menggunakan suara yang nyaring
- D Perbanyakkan zikir dalam semua suasana

## **Soalan 21 hingga Soalan 40**

*Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai*

21. Iman menurut bahasa bermaksud \_\_\_\_\_, mengakui dan membenarkan sesuatu tanpa mendustakannya.
22. Mengikut Syiah Imamiah, jawatan “*Imam*” umat Islam hanya layak disandang oleh \_\_\_\_\_.
23. Ahli Sunah Waljamaah berpandangan bahawa al-Quran adalah \_\_\_\_\_ Allah SWT yang bersifat qadim.
24. \_\_\_\_\_ ialah melakukan perbuatan yang boleh memisahkan ruh daripada jasad sendiri.

## **Soalan 25 hingga soalan 26**

*Pilih jawapan yang betul berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan.*


<b>musyrik</b>	<b>mulhid</b>	<b>munafik</b>	<b>kafir</b>
----------------	---------------	----------------	--------------

25. Orang yang tidak beragama di gelar \_\_\_\_\_.
26. \_\_\_\_\_ ialah orang yang mengingkari salah satu daripada rukun iman.
27. Tokoh sufi yang pernah menjadi pensyarah kanan di Universiti Nizamiyah , Baghdad ialah .....
28. Hasil karya Ibnu Khaldun yang menjadi rujukan para sejarawan sehingga ke hari ini ialah \_\_\_\_\_ .
29. \_\_\_\_\_ ialah berada di Padang Arafah walaupun hanya sekejap di antara gelincir matahari 9 Zulhijjah hingga terbit fajar 10 Zulhijjah.
30. Tawaf wada’ ialah tawaf yang \_\_\_\_\_ dilakukan oleh orang yang hendak meninggalkan Kota Mekah dalam tempoh yang lama.

Maksud adil dalam poligami	<input type="radio"/> Adil dari aspek makanan dan pakaian
	<input type="radio"/> Adil dari aspek giliran bermalam
	<input type="radio"/> Adil dari aspek <b>Q</b>

31. Aspek **Q** dalam jadual di atas ialah \_\_\_\_\_
32. Sektor utama ekonomi kerajaan Bani Abbasiah ialah perdagangan , pertanian dan \_\_\_\_\_ .

### Cara perlantikan Khulafa al-Rasyidin



33. X dalam rajah di atas ialah \_\_\_\_\_.

- Lahir di Kufah
- Menghasilkan kitab al-Fiqh al-Akbar dan al-Faraaid
- Pernah dipenjara kerana menolak jawatan hakim di Baghdad

34. Tokoh yang dimaksudkan dalam rajah di atas ialah \_\_\_\_\_

35. Pencemaran \_\_\_\_\_ boleh berlaku melalui aktiviti pembuangan sampah sehingga mengubah warna dan kandungannya.

36. Amalan berjual beli amat menitikberatkan sifat \_\_\_\_\_ antara penjual dan pembeli agar dapat melahirkan kasih sayang antara mereka

### Soalan 37 hingga Soalan 40

*Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang disediakan.*

<b>talak bid'i</b>	<b>fasakh</b>	<b>idah</b>	<b>talak bain</b>	<b>nusyuz</b>

37. Apabila suami hilang selama 4 tahun mengikut Mazhab Imam Syafie isteri boleh menuntut \_\_\_\_\_ di Mahkamah Syariah.

38. Ingkar perintah suami yang tidak bercanggah dengan syarak.

39. Talak yang menyalahi syarak seperti menceraikan isteri ketika haid atau hamil.

40. Tempoh masa larangan berkahwin yang wajib dipatuhi oleh isteri selepas berpisah dengan suami.

**Bahagian B**  
[ 60 markah ]

*Jawab tiga soalan: Soalan 1, Soalan 2 dan mana-mana satu soalan berikut.*

- 1 (a) Sihir adalah antara perkara yang boleh membatalkan iman.
- (i) Nyatakan maksud sihir. [ 2 markah ]
- (ii) Jelaskan **dua** akibat perbuatan sihir terhadap pengamalnya. [ 2 markah ]
- Perbuatan sihir boleh memutuskan hubungan silaturahim antara sesama manusia.**
- (iii) Huraikan hujah anda bagi menyokong pernyataan tersebut. [ 4 markah ]
- (b) (i) Nyatakan **dua** syarat taubat yang diterima oleh Allah SWT. [ 2 markah ]
- (ii) Terangkan **dua** implikasi terhadap orang yang tidak bertaubat [ 4 markah ]
- (c) (i) Nyatakan **dua** tokoh yang telah memasyurkan mazhab Ahli Sunnah Waljamaah. [ 2 markah ]
- (ii) Jelaskan **dua** prinsip akidah Ahli Sunnah Waljamaah. [ 4 markah ]
- 2 (a) Ibadah haji merupakan satu kefardhuan ke atas umat Islam yang mampu.
- (i) Nyatakan **dua** rukun haji selain berniat ihram. [ 2 markah ]
- (ii) Jelaskan **dua** hikmah disyariatkan ibadah haji [ 2 markah ]
- (iii) Terangkan **dua** perbezaan antara ibadah haji dengan ibadah umrah. [ 4 markah ]
- (b) (i) Nyatakan maksud insurans. [ 2 markah ]
- (ii) Jelaskan **dua** tujuan diharuskan insurans. [ 4 markah ]
- (c) (i) Nyatakan **dua** golongan wanita yang haram dipinang [ 2 markah ]
- (ii) Rakan anda baru mengikat tali pertunangan semasa belajar di Universiti. Anda mendapati rakan tersebut sering keluar bebas bersama tunangnya.
- Sebagai seorang rakan, bagaimanakah anda mengatasi situasi di atas. [ 4 markah ]

3 (a) Kerajaan Khulafa' al-Rasyidin ditubuhkan selepas kewafatan Rasulullah.

- (i) Nyatakan **dua** dasar pentadbiran kerajaan Khulafa al-Rasyidin [ 2 markah ]
- (ii) Jelaskan **dua** akibat membelakangkan kepimpinan Khulafa al-Rasyidin [ 4 markah ]

**Syeikh Jamaluddin Al-Afghani**

**Syed Muhammad Abduh**

(b) Pilih salah satu daripada tokoh di atas dan jawab soalan berikut :.

- (i) Nyatakan secara ringkas riwayat hidup tokoh tersebut. [ 2 markah ]
- (ii) Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah anda boleh mencontohi kegigihan tokoh tersebut dalam menyampaikan mesej islah. [ 2 markah ]

(c) Umat Islam wajib beradab dengan Rasulullah SAW.

- (i) Nyatakan **dua** adab dengan Rasulullah SAW. [ 2 markah ]
- (ii) Jelaskan **dua** kerugian mengabaikan adab terhadap Rasulullah SAW [ 4 markah ]

**Muslim yang menjadikan Rasulullah SAW sebagai contoh dan ikutan akan mendapat kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat**

- (iii) Kemukakan hujah anda bagi membenarkan pernyataan ini. [ 4 markah ]

- 4 (a) Penyebaran Islam berlaku secara meluas pada zaman Bani Abbasiah
- (i) Nyatakan **dua** faktor dalaman yang mendorong penyebaran tersebut. [ 2 markah ]
- (ii) Jelaskan **dua** kesan penyebaran Islam kepada masyarakat zaman Bani Abbasiah daripada aspek ilmu pengetahuan. [ 4 markah ]

**Imam Ahmad bin Hanbal**

**Imam Bukhari**

- (b) Pilih salah **satu** daripada tokoh di atas dan jawab soalan berikut :.
- (i) Nyatakan **dua** sifat peribadi tokoh yang boleh dicontohi [ 2 markah ]
- (ii) Jelaskan **dua** sumbangan beliau terhadap perkembangan ilmu [ 2 markah ]
- (c) Islam menggariskan agar kita beradab terhadap pemimpin.
- (i) Nyatakan **dua** cara beradab dengan pemimpin. [ 2 markah ]
- (ii) Terangkan **dua** sebab kita dilarang melakukan perbuatan menghina pemimpin. [ 4 markah ]

**Mendampingi dan mengasihi pemimpin adalah diperintah oleh Rasulullah SAW.**

- (iii) Pada pandangan anda, jika anda melakukan perkara di atas, bagaimanakah ia mampu mempengaruhi keharmonian sesebuah masyarakat. [ 4 markah ]

**KERTAS SOALAN TAMAT**

## KERTAS JAWAPAN UNTUK BAHAGIAN A

NAMA : ..... TINGKATAN : .....

1	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D
2	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D
3	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D
4	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D
5	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D
6	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D
7	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D
8	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D
9	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D
10	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D
11	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D
12	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D
13	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D
14	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D
15	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D
16	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D
17	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D
18	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D
19	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D
20	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D

21 \_\_\_\_\_

22 \_\_\_\_\_

23 \_\_\_\_\_

24 \_\_\_\_\_

25 \_\_\_\_\_

26 \_\_\_\_\_

27 \_\_\_\_\_

28 \_\_\_\_\_

29 \_\_\_\_\_

30 \_\_\_\_\_

31 \_\_\_\_\_

32 \_\_\_\_\_

33 \_\_\_\_\_

34 \_\_\_\_\_

35 \_\_\_\_\_

36 \_\_\_\_\_

37 \_\_\_\_\_

38 \_\_\_\_\_

39 \_\_\_\_\_

40 \_\_\_\_\_

Objektif	ITK	Soalan 1	Soalan 2	Soalan 3	Soalan 4	JUMLAH